

10 SEP 2001

DR MAHATHIR PULANG KE KUALA LUMPUR

SINGAPURA, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang ke Kuala Lumpur malam ini selepas menerima Anugerah Pencapaian Milenium Asean.

Anugerah daripada Forum Perniagaan Asean itu adalah sebagai mengiktiraf usaha-usaha beliau dalam membawa perubahan di Malaysia sehingga menjadi sebuah negara contoh dan dinamik serta sumbangan beliau kepada Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean).

Bekas presiden Singapura Wee Kim Wee menyampaikan anugerah itu kepada Dr Mahathir dan juga kepada Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menerima anugerah yang sama kerana kejayaan beliau membangunkan Singapura dan sumbangan beliau kepada Asean.

-- BERNAMA

TCL PR